

....yang buta, ialah hati...

Karya

Hidayah Amin

[Nor Hidayah Binte Mohd. Amin]

* Berdasarkan kisah benar

Kamu memang pengkhianat! P.E.N.G.K.H.I.A.N.A.T!!

Aku bukan seorang pengkhianat. Aku hanya manusia biasa yang mempunyai perasaan, mempunyai citarasa. Tuhan tentu akan mengerti.

Memang Tuhan akan mengerti. Memang Tuhan maha mengasihani hamba-hambanya. Tuhan maha penyayang. Tetapi apa yang kamu lakukan tidak dapat dimaafkan.

Apa yang telah aku lakukan? Aku sembahyang lima waktu. Aku puasa. Aku mengucapkan dua kalimah syahadah. Aku ialah seorang Muslimah!

Seorang Muslimah? Kamu pandai bermain sandiwara. Kamu lebih buruk dari Abu Lahab!

Kau diam! Jangan lupa, kau sebahagian dari diriku. Kau hidup denganku. Kau juga akan mati denganku.

Bertaubatlah sebelum terlambat.

Mengapa harus aku bertaubat? Aku tidak bunuh orang. Aku tidak minum arak. Aku tidak makan babi. Ada orang lain yang lebih jahat lagi.

Tetapi bagaimana dengan masyarakat? Apa akan mereka katakan? Mereka akan pandang serong dengan kita. Kita telah mengkhianati masyarakat kita sendiri.

Tidak! Aku tidak peduli dengan orang lain. Mereka tu semuanya kolot. *Backward*. Kata dulang paku serpih, kata orang diri mereka yang lebih!

Memang patut mereka menegur kita. Itu tandanya mereka sayangkan kita. Mereka mahu kita memperbaiki diri kita.

Sayang? Hahaha..... mereka tu semuanya dengki. Tidak senang lihat kita mewah. Tak suka tengok kita hidup bahagia. Ada sahaja cacat-celanya. Ada sahaja cemuhan dan kutukan.

Hidup bahagia? Kitalah manusia yang paling malang, bukan mereka. Mungkin dari luar kita nampak bahagia, tetapi... kita rugi. Kita masih lagi di dalam kegelapan.

Tidak. Kita sudah maju. Tidak dalam kegelapan. Mereka yang kolot. Mereka yang salah tafsirkan Al-Quran. Lihat! Al-Quran tidak menyuruh mereka mengganas. Tetapi mereka mengganas. Kita? Kita **tidak** melanggar hukum-hukum agama.

Astarfirghullah.....

Surah An Nisaa Ayat 48 mengatakan “..... dan Dia mengampuni dosa yang selain dari (syirik) itu, barangsiapa yang dikehendaki-Nya.....” Kita masih percayakan Tuhan. Kita tidak menduakan tuhan. Jadi kita tidak berdosa!

Memang kamu pandai berhujah. Kamu pelajar terbaik semasa di universiti. Pelajar yang terpuji. Lemah-lembut tingkah-lakumu. Anak yang mithali. Tetapi mengapa kamu berubah?

Bila yang aku berubah? Aku tetap hormati ibu-bapa kita. Tetapi mereka harus faham. Aku harus pilih haluan hidupku. Aku tidak boleh tidur dibawah ketiak mereka sepanjang hayatku. Aku sudah dewasa!

Dewasa? Kamu masih lagi dibawah tanggungjawab bapa kita kerana kamu belum berumahtangga. Tetapi bapa kita telah banyak memberi kita kebebasan. Bebas belajar ke luar negeri. Bebas ke mana-mana. Bersyukurlah!

Memang dia **harus** memberi aku kebebasan untuk ke luar negeri. Bukannya dia yang keluarkan wang. **Aku** yang dapat *scholarship*! Semuanya kerana titik peluh aku sendiri.

Memang kamu kuat berusaha. Tetapi kamu lupa. Ibu-bapa kita yang membesarkan kita. Mereka membanting tulang di sawah padi dari matahari terbit hingga matahari terbenam. Kita tidak harus lupakan jasa mereka.

Siapa kata aku telah lupakan jasa mereka? Aku masih kirimkan wang kepada mereka.

Wang? Bukan wang yang dipersoalkan. Mereka risau tentang kita.

Kan aku telah tulis surat kepada mereka?

Tergamak kamu menghilangkan diri tanpa berita. Alasan kamu hendak menghadiri perkahwinan abang teman kamu di luar negeri. Takkanlah sampai setahun lamanya? Walaupun ibu-bapa kita tidak berpelajaran tinggi, mereka tidak bodoh.

Ahh..... yang pentingnya, mereka tahu di mana aku berada sekarang ini. Akukan cari nafkah di sini.

Bohong. Kamu pembohong yang terbesar di dunia. Lebih dahsyat dari ahli politik. Tergamak kamu bohongi ibu-bapa kita. Setelah setahun lamanya mereka mencari kita, baru kamu menulis surat dan memberitahu mereka yang kamu bekerja sebagai penterjemah di sini.

Alah, yang pentingnya, aku telah beritahu mereka.

Tidakkah kamu berasa berdosa? Mereka mencari-cari kita. Mereka memerlukan kita. Adik beradik kita yang lain tidak seandai dan semewah kita. Kita adalah harapan keluarga.

Tapi aku harus memilih jalan hidupku sendiri!

Apakah perasaan mereka jika mereka tahu kedudukan kita yang sebenarnya? Yang kita bukan penterjemah? Yang kita tidak menghabiskan pengajian kita di universiti?

Mereka akan faham. Sebagaimana mereka faham bila aku tanggalkan hijabku dulu.

Sebenarnya mereka binggung mengapa kamu berubah bila pulang dari belajar di Holland dahulu. Sebelum ini, memang kamu anak yang baik. Mengapa kamu tidak memberitahu mereka sebab utama mengapa kamu tanggalkan hijab?

Aku tidak mahu kecewakan mereka.

Sungguh mulia niat kamu itu. Kerana tidak mahu mengecewakan mereka, kamu bohongi mereka. Kamu derhaka! Kamu juga bohongi Huda, kawan baik kita yang telah banyak membantu kita. Huda kini serba-salah. Dia berasa dia telah bersubahat.

Huda mengerti. Dia yang bantu aku semasa aku pohon visa untuk ke sini. Dia benarkan aku tinggal sementara dengannya dulu.

Tapi kamu bohongi Huda. Alasan yang kamu berikan bohong semata-mata! Bayangkan perasaan Huda bila ibu-bapa kita menanyanya akan kehilanganmu.

Itu cerita lama. Yang penting aku bahagia sekarang ini.

Kamu munafik! Kamu menggunakan orang lain untuk kepentingan kamu. Kamu memperdayakan orang-orang disekeliling kamu. Walaupun kamu telah menanggalkan hijab, kamu akan memakainya di hadapan pensyarah-pensyarah kamu yang beragama Islam semata-mata kerana kamu hormati mereka. Tetapi kamu tidak hormati Tuhan! Kamu ingkar!

Aku tahu apa yang aku buat. Aku masih ingat Tuhan. Aku tidak lakukan perkara-perkara yang dikutuk.

Kita bukan budak-budak lagi. Jangan cuba bohongi dirimu sendiri.

Tuhan akan mengerti. Tuhan akan tetap maafkan hamba-hambanya.

Tuhan akan maafkan hamba-hambanya yang benar-benar insaf. Tetapi kamu sengaja membuat dosa walaupun kamu tahu perkara itu berdosa.

Tidak! Aku tidak berdosa. Aku cuma mahu hidup. Ramai orang yang buat macam aku. Kenapa kau tak marahkan mereka?

Sebab mereka tidak keterlaluan seperti kamu! Kamu telah hilang sifat-sifat kemanusiaan. Kamu ikutkan hawa nafsu kamu. Kamu melihat tetapi kamu buta. Lihatlah saudara kita yang terseksa di luar tu. Kamu tidak ada perasaan kasihan langsungkah?

Aku kasihan juga tapi jangan kerana nyamuk seekor, kelambu dibakar. Kadangkala nyamuk tidak bersalah.

Mengapakah kamu masih berdegil? Saudara kita merayu simpati kamu. Tetapi kamu hanya melihat dari pagar emas kamu!!

Memang aku kasihankan mereka.... tetapi kau harus faham kedudukanku.....

Kamu lupa akan Surah Al-Baqarah Ayat 145 yang menerangkan “Dan sesungguhnya jika kamu mendatangi kepada orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberi Al-Kitab (Taurat dan Injil), semua ayat (keterangan), mereka tidak akan mengikuti kiblatmu”

Aku percaya ayat-ayat Tuhan. Tapi kau jangan lupa, rambut sama hitam, hati lain-lain.....

*Alangkah malangnya kamu. “... sesungguhnya bukanlah mata itu yang buta, tetapi **yang buta, ialah hati** yang di dalam dada”. [Surah Al Hajj, Ayat 46].*

Tidak! Aku celik! Aku tidak buta! Kau yang buta. Yang bodoh. Berambus kau dari sini!! Jangan kembali lagi. Kubur aku, biar aku yang jawab.....

* Satu suara garau menyentakny dari lamunannya yang separa sedar.....

“Khairunnisa darling, let’s move to a more receptive European country. We can’t live in Tel Aviv any longer. My leader, Ariel Sharon is right. The Muslims are getting more and more violent. Thank goodness you don’t wear the hijab anymore..... ”

[1054 patah perkataan]